

Tajuk : 57 mahasiswa UNIMAS tabor bakti di Kabong

10

AHAD • 29 APRIL 2012 • 7 JAMADILAKHIR 1433H •

Utusan Sarawak

57 mahasiswa Unimas tabur bakti di Kabong

ANUAR HAJI KAPOK

KABONG, Sabtu – Seramai 57 mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) kini berada di sini bagi menjayakan Projek Khidmat Masyarakat bersempena dengan 20 tahun penubuhan Unimas di negeri ini.

Pensyarah pengiring, Noor Ain Aini ketika ditemui Utusan Sarawak memberitahu Projek Khidmat Masyarakat Kabong merupakan salah satu aktiviti di luar kampus yang bertujuan untuk mendedahkan kepada pelajar secara langsung kepada isu pembangunan semasa.

i Sarawak pada amnya menepati ciri-ciri sebagai wilayah yang sedang membangun. Manakala Kabong

khasnya kini masih berada pada takuk awal pembangunan. Dengan terletak di kawasan pedalaman penduduk kawasan Kabong banyak bergantung kepada sumber perikanan dan pertanian.

iAktiviiti yang dijalankan sepanjang berada di sini dari 27 April hingga 29 April adalah banyak berupa perkongsian maklumat bagi memberi pendedahan dan kesedaran kepada masyarakat setempat mengenai pentingnya menjaga alam sekitar, peluang pendidikan yang disediakan di Unimas untuk generasi muda dan kebudayaan gaya hidup sihat, iujarnya.

Sekaligus jelas Noor Ain, peserta program diharap akan dapat membudayakan semangat sukarelawan dalam kalangan mereka (peserta) terutama bagi pelajar Fakulti Sains

Sosial yang mengambil kursus Politik Negara Membangun.

Program itu juga diharapkan dapat membolehkan para peserta untuk menghayati nilai kemasyarakatan serta memupuk sifat-sifat kepimpinan, kerjasama dan komitmen bekerja dalam satu pasukan.

Selain itu program tersebut juga diharap akan dapat memperkenalkan Fakulti Sains Sosial Unimas kepada golongan pelajar di sini.

Sepanjang program peserta tahun akhir Unimas itu terlibat dengan pengeloaan ceramah motivasi, ceramah kesihatan, kerja amal dan malam kebudayaan.

Turut sama sepanjang program tersebut ialah Dr Ahmad Nizar Yaakub yang juga merupakan pensyarah pengiring bagi program itu.



KHIDMAT MASYARAKAT... Mahasiswa tahun akhir Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) merakam gambar kenangan selepas selesai ceramah kesihatan di Kabong semalam.